

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP**
[SEKIJANG]
TARIKH : **9.6.2014**
SOALAN :

Y.B. Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah lelasan pelajar Universiti Penyelidikan sejak penubuhannya; dan
- (b) bagaimanakah pencapaian universiti ini mampu memacu negara ke arah negara maju.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasarkan statistik pengajian tinggi negara, jumlah graduan pelajar Universiti Penyelidikan (research University, RU) yang terdiri daripada Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sejak tahun 2007 sehingga tahun 2013 adalah seramai 242,238 orang yang terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD).
- (b) Penubuhan universiti ini amat penting dalam memastikan Malaysia terus menjadi pusat kegiatan keilmuan dan penemuan-penemuan ilmu baru selaras dengan perkembangan semasa. serta menyumbang kepada pertumbuhan bilangan pelajar pasca siswazah dan memperkukuhkan daya saing negara melalui aktiviti penyelidikan dan inovasi. Contohnya, RU menghasilkan penerbitan sebanyak 15,087 berbanding dengan Singapura dan Thailand sebanyak 14,429 dan

9,507 penerbitan, pada tahun 2010. Di samping itu, pencapaian pengukuhan kredibiliti ahli akademik juga memperlihatkan kejayaan yang positif iaitu 75% ahli akademik di RU memiliki PhD.

RU telah diberikan dana melalui geran penyelidikan pada tahun 2007 hingga 2013 untuk menjalankan projek-projek penyelidikan di bawah geran FRGS, LRGS, PRGS dan ERGS. RU telah menyerlahkan kecemerlangan dalam bidang penyelidikan yang diterajui berdasarkan impak sitasi. Antara bidang yang diterajui oleh RU adalah seperti Kejuruteraan, Matematik, Sains Pertanian dan Psikologi oleh Universiti Sains Malaysia (USM) dan Sains Angkasa oleh Universiti Malaya (UM). Dari aspek kualiti penerbitan berteraskan penyelidikan, impak sitasi (*citation impact*) bagi RU telah mencapai purata 0.75 berbanding nilai purata antarabangsa yang bernilai 1.0.

RU juga telah memperlihatkan pencapaian yang sangat memberangsangkan berdasarkan **QS World Rankings: By Subject 2014** di mana lima (5) RU telah berjaya memenuhi kriteria standard antarabangsa menerusi penilaian 30 bidang pengajian dan seterusnya melakarkan kedudukan dalam 200 senarai terbaik dunia. Contohnya, **Universiti Sains Malaysia** menduduki tangga ke-28 dunia dalam bidang Sains Alam Sekitar.